



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 24 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	HARGA AKAN NAIK BILA STOK BAWANG KURANG, NEGARA, KOSMO -16 MANTAP EJEN PENGEMBANGAN BANTU PETANI MANFAAT TEKNOLOGI, RENCANA, BERITA HARIAN -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	TANAM SAYURAN BEBAS RACUN PEROSAK, NASIONAL, SINAR HARIAN -9	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5.	MAKING NEGERI SEMBILAN A GIANT FRESHWATER PRAWN HUB, NEWS/NEWS IN BRIEF, NST -10 IKAT SANGKAR ELAK HANYUT, LOKAL, HARIAN METRO -16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9. 10. 11.	BUKAN BUKU, PENSEL SEMATA-MATA, ADDIN, HARIAN METRO -15 LEMBU KASIH, LOKAL, HARIAN METRO -21 TERNAK AYAM KAMPUNG DI KEBUN GETAH, DALAM NEGERI, UM -32 PENDUDUK 3 KAMPUNG BANTAH PROJEK TERNAKAN UDANG, DALAM NEGERI, UM -32 MUHD. NOH USAHAWAN UBI KAYU, GAYA TANI, UM -24 LUASKAN WILAYAH UBI KAYU, GAYA TANI, UM - 25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Harga akan naik bila stok bawang kurang

Oleh **NOR IDAYU BOSRO**

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memaklumkan harga bawang adalah sama dengan harga barangan lain yang bergantung kepada bekalan dan permintaan.

“Jika bekalan kurang dan permintaan tinggi, maka harga akan naik,” kata Menteri, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

“Bawang India yang sedikit sebanyak mempengaruhi keseluruhan bekalan bawang kecuali beberapa jenis bawang seperti bawang Holland,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Alexander berkata, pengimportan bawang adalah di bawah seliaan Kementerian Pertanian

dan Industri Makanan (MAFI) dengan KPDNHEP bertindak dalam memastikan tiada elemen pencatutan atau tindakan menaikkan harga secara tidak munasabah berlaku dalam pasaran termasuk bekalan bawang.

Beliau berkata, Malaysia mengimport bawang dari pelbagai negara sebagai salah satu strategi berkesan untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi.

“Pada masa sama, Malaysia juga tidak bergantung kepada sesebuah negara sahaja.

“Ini kerana jika sesebuah negara tersebut mengalami bencana alam seperti kemarau, banjir, gempa bumi dan tanah runtuh, atau melaksanakan sekatan ekonomi, maka kita tidak akan

terancam dan bekalan bawang tidak terganggu walaupun harga mungkin akan menerima impak,” katanya.

Beliau berkata, sebanyak 121 syarikat pengimport telah tingkatkan jumlah pengimportan bekalan bawang dari negara seperti Pakistan, Thailand, Belanda dan China bagi menampung keperluan bawang semasa rakyat Malaysia.

Menurutnya, ia susulan arahan larangan eksport yang dikeluarkan kerajaan India ke atas semua jenis bawang kecuali jenis ‘Bangalore Rose’ dan ‘Krishnapuram’ pada 14 September lalu.

Larangan itu untuk menampung keperluan domestik di India ekoran bencana banjir.



BEKALAN
bawang dari
negara India
berkurangan
disebabkan
negara itu
dilanda
banjir.
- GAMBAR
HIASAN

Mantap ejen pengembangan bantu petani manfaat teknologi

Pertanian dan makanan menjadi sektor nadi kepada rakyat, sama ada ketika pandemik atau tidak. Ketika sektor lain seperti pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan terencat oleh pandemik, sektor makanan walaupun parah masih mampu menyediakan makanan kepada rakyat.

Apakah Belanjawan 2021 mujiarab menangani kegentingan dihadapi sektor pertanian dan makanan? Bagi menjawab soalan ini, kita serasikan dengan masalah dihadapi dan perbelanjaan yang di peruntukkan kerajaan.

Permintaan ke atas makanan tidak terjejas dengan serius kerana la keperluan asas kehidupan. Pada tahap awalan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), permintaan ke atas makanan terputus sebentar, tetapi mula pulih apabila

kelonggaran PKP dilaksanakan.

Namun, apa yang terjejas ialah pemakanan pengguna berpendapatan rendah yang tidak mampu membeli makanan berkhasiat seperti susu, daging dan buah-buahan segar untuk anak dan orang berusia.

Dari sudut ini, kerajaan menyediakan bantuan kewangan untuk membantu mereka.

Namun, dari sudut penawaran, sektor ini dilanda pelbagai kesulitan dan kekangan. Pertama, masalah kekurangan buruh asing kerana ramai kembali ke negara asal ketika PKP dilaksanakan.

Mengikut Jabatan Statistik, sektor pertanian mengalami kekurangan buruh 22 peratus di bawah pandemik. Disebabkan penanaman komoditi makanan ialah intensif buruh atau banyak menggunakan tenaga kudrat seperti sawit, getah, sayur-sayuran dan tenusu, maka kekurangan buruh merendahkan produktiviti lantas pengeluaran.

Tahun demi tahun petani berdepan kenaikan kos pengeluaran, tanpa putus, namun peningkatan hasil tidak se-rancak kos. Masakan tidak, semua input diimpot daripada baka ayam, lembu, benih sayur dan buah, baja serta racun, fid untuk ternakan, kacang soya, mesin dan peralatannya dan juga buruh.

Maka, harga input ini menari bersama harga dunia, lantas kita turut 'mengimpot' inflasi bersama barang ini.

Namun dalam belanjawan, tiada peruntukan untuk mengurangkan beban ini melalui bantuan pengurangan kos pengeluaran.

Pandemik ialah fenomena global. Hampir semua negara berdepan masalah penguncupan ekonomi kerana



Pandemik COVID-19 memberi kesan kepada industri pertanian dan makanan.

(Foto hiasan)



kejatuhan permintaan apabila langkah mitigasi seperti perintah berkurung dilaksanakan.

Gejala ini menjejaskan pengeluaran input pertanian seperti fid untuk ternakan, baja dan input pertanian yang lain. Penternak ayam dan itik kini mengalami masalah untuk mendapatkan fid untuk ternakan mereka lantas menggunakan betik dan sagu untuk ternakan mereka.

Risiko harga tidak pernah terbendung oleh petani. Ketika harga getah atau sawit merudum, petani kita kehilangan punca, termasuk peneroka FELDA.

Agensi atau korporat induk mereka seperti FELDA dan FGV mewah dengan keuntungan berjuta-juta, tetapi penurunan harga hanya 20 peratus sudah cukup untuk memiskinkan mereka dan merencatkan penanaman seterusnya.

Kerajaan sudah melupakan hutang peneroka FELDA dan memberi insentif pengeluaran kepada pekebun kecil getah. Masalah sebegini memerlukan penyelesaian jangka masa panjang. Antaranya meningkatkan kapasiti produktif dan tabung dibiayai petani sendiri.

Antara model boleh difikirkan ialah dana penstabilan dan bayaran kurangan, iaitu waktu harga tinggi, sebahagian kecil keuntungan disimpan dalam tabung dana untuk musim tengkujuh atau harga turun.

Petani tahu akan kepentingan kepelbagaian kebun atau ladang dan sawah untuk meminimumkan risiko harga. Namun, mereka berdepan pelbagai rintangan untuk mempelbagaikan tanaman, seperti kekurangan modal, tiada sokongan khidmat nasihat, ma-

BELANJAWAN

2021



salah pemasaran dan risiko pengeluaran.

Antara faktor menyebabkan kesangsian mereka ialah ketiadaan model kepelbagaian tanaman untuk dicontohi.

Bagi mempelbagaikan tanaman, insentif dan bantuan disediakan untuk membolehkan petani mempelbagaikan tanaman. Juga, dana perlu disediakan untuk beberapa projek perintis atau eksperimen perlu dilaksanakan untuk rujukan petani. Ini membabitkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengembangan.

Teknologi melonjak tinggi seperti pelaksanaan mata wang kripto, kecerdasan buatan (AS), rantaian bekalan menggunakan *block chain* atau sokongan internet benda (*IoT*), tetapi semua ini tidak sampai kepada petani kecuali WhatsApp, khidmat pesanan ringkas (SMS) dan internet.

Antara faktornya adalah kelemahan teknologi dan petani, iaitu ejen pengembangan. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), kebanyakan mereka memiliki diploma atau sijil sahaja. Tidak menghairankan pe-

tani kita ketinggalan jauh.

Keluhan pegawai pengembangan menyatakan mereka tidak diberi ganjaran dan elau sengsara cukup untuk mereka menjelajahi petani di kawasan pedalaman. Ganjaran kecil melemahkan motivasi dan kecekapan fungsi mereka.

Pegawai pengembangan ialah barisan hadapan pertanian untuk menyampaikan teknologi moden kepada petani, tetapi jika kemahiran pegawai pengembangan tidak ditingkatkan, usaha ini tidak bermakna.

Tahniiah kerajaan memperuntukkan RM60 juta kepada Agrobank untuk Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Sangat tepat sekali, tetapi jika kemahiran pegawai pengembangan tidak ditingkatkan, usaha ini tidak bermakna.

Semua kekangan terbahit memerangkap petani dalam kemiskinan tahun demi tahun. Sejumlah 90 peratus petani tergolong dalam B40 dan 75 peratus pekebun kecil getah menerima pendapatan kurang RM2,750 sebulan.

Peneroka FELDA masih berhutang kesan tabdir urus tidak jujur agensi dan korporat induk. Pemain hilir seperti pengilang, pedagang, beberapa korporat induk meraih keuntungan yang lumayan. Dalam kata ringkas agihan keuntungan tidak setara antara peserta rantaian bekalan pertanian.

Belanjawan 2021 mengenal pasti beberapa penekanan bijak untuk menggalakkan pertanian komuniti, organik dan bandar serta beberapa insentif pengeluaran, pembangunan infrastruktur dan pelbagai lagi.

Namun, belanjawan itu akan lebih mantap dan lengkap jika kekurangan kritikal terbahit dirangkumi.

Penulis adalah Ketua Kluster Pertanian dan Sekuriti Makanan, Akademi Profesor Malaysia



Prof Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad

Tanam sayuran bebas racun perosak

Graduan hospitaliti usahakan ladang salad dan tomato guna teknologi lestari

Oleh AZIE YAHAYA

KLANG

Terinspirasi daripada pemilik-pemilik restoran yang mahukan sayur-sayuran berkualiti dan bebas racun perosak mendorong graduan bidang hospitaliti, John-Hans Oei, 31, mengusahakan ladang salad dan tomato menggunakan kaedah pertanian lestari.

Beliau yang sebelum ini menceburi bidang pengurusan sisa selama lapan tahun sanggup berhenti kerja dan memulakan kerjaya sebagai petani moden.

"Sebelum ini saya bekerja dalam bidang pengurusan sisa dan sering berurusan dengan pelanggan yang kebanyakannya pengusaha restoran.

"Mereka sering mengadu sukar mendapatkan stok sayur-sayuran yang berkualiti dan bebas racun perosak kerana bilangan pengusaha dalam bidang berkenaan tidak ramai.

"Jadi, saya rasa ia adalah peluang terbaik untuk saya menceburi bidang ini. Saya nekad berhenti kerja walaupun ada yang menganggap keputusan saya itu salah.

"Pada mulanya saya mengusahakan ladang sayuran menggunakan kaedah tradisional tetapi pulangnya tidak seberapa. Lagipun saya fikir kaedah tradisional tidak sesuai kerana menggunakan banyak racun,



Ladang salad dan tomato berkeluasan kira-kira 0.96 hektar milik Hans Oei di Kampung Perepat, Kapar.

baja dan sebagainya. Kosnya juga agak tinggi," katanya kepada *Sinar Harian* di sini baru-baru ini.

Menurutnya, sejak itu beliau mula memikirkan kaedah yang sesuai untuk menghasilkan sayuran berkualiti tanpa menggunakan bahan perosak.

"Mendiang nenek selalu berpesan, jika beri orang lain makan, kita perlu sediakan bahan yang betul-betul berkualiti. Jadi, saya mula rasa bertanggungjawab untuk mengeluarkan produk sayuran yang betul-betul berkualiti dan bebas bahan perosak serta racun.

"Saya gunakan peluang ke Amerika Syarikat (AS) untuk belajar bagaimana menggunakan teknologi sesuai dalam pertanian. Saya mengambil masa dua tahun setengah untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D)," katanya.

Hans Oei berkata, dengan bermodal kira-kira RM5



Hans Oei menunjukkan hasil salad yang ditanamnya menggunakan kaedah pertanian lestari.

juta, beliau mengusahakan ladang salad dan tomato pada Mac 2018 yang berkeluasan kira-kira 0.96 hektar di Kampung Perepat, Kapar di sini menggunakan kaedah pertanian lestari.

Teknologi

Menurutnya, syarikatnya, Cultivate Group Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pengeluar salad pertama yang menggunakan kaedah teknologi yang dipanggil Cultivate.

"Kita mengeluarkan kira-kira 18 jenis salad dan tiga jenis tomato yang sangat berkualiti tinggi kerana menggunakan kaedah Cultivate.

"Dahulu, dalam sebulan kita terpaksa menggunakan kira-kira 300,000 polibag dan 150,000 kilogram baja untuk menanam sayur-sayuran.

"Apabila kita guna baja, ia tidak boleh dikitar semula dan perlu dibuang. Ia bukan sahaja melibatkan kos, malah boleh

mencemarkan alam sekitar," katanya.

Berbeza apabila menggunakan teknologi Plant Carriage, anak jati Petaling Jaya itu berkata, cahaya, kelembapan dan air untuk memberikan keadaan ideal bagi pertumbuhan tanaman yang optimum boleh diatur.

"Kita guna reka sistem penyaluran air untuk jumlah air yang tepat bergantungan kepada sayuran, sistem penyejukan udara semula jadi yang menjaga suhu tanah tanpa menghiraukan panas terik dan sistem atap gelangsar automatik yang dirancang untuk memberikan teduh atau cahaya matahari ketika diperlukan," katanya.

Menurutnya, pertumbuhan tanaman pula 30 peratus lebih cepat dan kos pengeluaran 50 peratus lebih sedikit penggunaan air berbanding pertanian tradisional.

"Proses tuai juga lebih cepat antara empat hingga tujuh

minggu. Dalam sebulan, kita dapat menuai lapan hingga 10 tan salad, manakala dua hingga tiga tan tomato untuk dipasarkan kepada pelanggan tetap," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, amalan konsep pertanian lestari melayakkan Cultivate Group Sdn Bhd diiktiraf oleh Jabatan Pertanian melalui pensijilan Malaysian Good Agricultural Practice (myGap).

Berkualiti

Hans Oei yang merupakan Ikon Agro Selangor 2020 berkata, pengiktirafan itu menjadi pendorong kepada syarikatnya untuk lebih gigih berusaha dan terus maju dalam mengeluarkan tanaman yang lebih berkualiti.

"La penghargaan kepada syarikat dan dengan adanya sijil ini, hasil tanaman kami boleh dipasarkan ke luar negara seperti Singapura yang mendapat permintaan tinggi di sana.

"Jabatan Pertanian melalui Pejabat Pertanian Daerah Klang telah membantu saya memperoleh sijil myGap. Sijil ini membuktikan produk syarikat adalah berkualiti tinggi dan selamat dimakan.

"Sebab itu, sijil myGap penting bagi petani atau pengusaha tanaman kerana tidak semua layak menerima sijil ini. Saya sangat berterima kasih kepada Jabatan Pertanian Selangor kerana banyak membantu dari segi pasaran dan tunjuk ajar kepada kami," ujarnya.

Ditanya mengenai peruntukan sebanyak RM410 juta yang diperuntukkan kerajaan dalam Belanjawan 2021, Hans Oei berkata, ia membuktikan kerajaan prihatin terhadap sektor pertanian dan industri makanan.

"Peruntukan itu dapat menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian. Ia juga bukti kerajaan mahu memperkasakan sektor pertanian kerana ia salah satu sektor terpenting di Malaysia.

"Sebelum ini segelintir pihak hanya menganggap sektor pertanian untuk mereka yang tiada pelajaran. Tanggapan ini kita kena perbetulkan.

"Dengan suntikan dana diberikan kerajaan dan teknologi terkini yang boleh diguna pakai, tidak mustahil kita dapat melahirkan usahawan pertanian muda berjaya dan mampu membolosi pasaran antarabangsa," katanya.



Pegawai Pertanian Daerah Klang, Ahmad Nazri Abdullah Zawawi dan Hans Oei menunjukkan pensijilan myGap yang diperolehi usahawan itu daripada Jabatan Pertanian Daerah Klang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/11/2020	NST	NEWS/ NEWS IN BRIEF	10

Making Negri Sembilan a giant freshwater prawn hub

SEREMBAN: The Negri Sembilan Department of Fisheries is committed to making the state a “national giant freshwater prawn farming valley” in view of the high market demand. Its director, Halimi Abu Hanip, said his team was actively providing technical advisory services and contributing livestock input to the freshwater prawn farmers in a focused and targeted manner, including conducting research to produce quality freshwater prawn seeds in collaboration with the Glami Lemi Fisheries Research Institute here. He said giant freshwater prawn was a high-value species and a popular livestock farmed in Negri Sembilan, especially in Kuala Pilah and Jelebu, as the market price could reach RM65 to RM70 per kg. **Bernama**

Penternak sepanjang Sungai Pahang guna tali, kabel besi lindungi kurungan ikan

Oleh Mohd Rafi Mamat
Cnews@nstp.com

+ **Temerloh**

Mengikat sangkar pada pokok besar dan tiang konkrit di tepi Sungai Pahang cara terbaik digunakan penternak ikan sangkar di negeri ini setiap menghadapi musim tengkujuh.

Turut digunakan tali berkualiti tinggi dan kabel besi untuk mengikat sangkar daripada dihanyutkan arus deras air sungai yang turut membawa bersama balak serta bongkah kayu.

Penternak, Mohammad Khairil Johari, 32, berkata,

Ikut sangkar elak hanyut

setiap tahun dia perlu menyediakan perbelanjaan antara RM100 hingga RM200 untuk membeli tali bersaiz besar dan berkualiti bagi mengikat 24 sangkarnya di Kampung Tanjung Kubu, Kuala Krau dekat sini.

Menurutnya, sangkar perlu diikat dengan baik bagi memastikan ia tidak hanyut dibawa arus air sungai yang kuat terutama apabila berlaku banjir dan paras air meningkat dua hingga tiga kali ganda.

Katanya, arus air sungai yang kuat turut membawa bersama balak dan bongkah kayu, sekiranya tersangkut pada sangkar kerosakan serta kemusnahan pasti berlaku hanya dalam masa beberapa minit sahaja.

"Saya lebih rela mengeluarkan sedikit belanja

membeli tali bagi mengikat sangkar ikan sebelum perkara buruk berlaku hingga menyebabkan kerugian besar.

"Semua penternak ikan sangkar di sepanjang Sungai Pahang pasti berdebar setiap kali tiba musim tengkujuh, bimbang banjir besar berlaku seperti terjadi pada awal 2014," katanya ditemui di sini, kelmarin.

Beliau berkata, dia mengikat sangkarnya pada pokok kelapa di tepi Sungai Pahang dan tindakan berkenaan dianggap berkesan serta memuaskan.

Bagi Noreha Abd Ghani, 60, yang mengusahakan projek ikan sangkar di Kampung Langgar, Pekan berkata, dia menggunakan kabel besi untuk mengikat sangkar pada pokok besar di

tepi Sungai Pahang.

"Suaminya, Abdul Khalid Mohd Yusof, 60, akan membantu mengikat sangkar bagi memastikan tidak hanyut sekiranya banjir berlaku, setiap kali musim tengkujuh perasaan bimbang pasti datang.

"Setiap kali banjir saya dan suami juga turut terpaksa mengawasi balak serta bongkah kayu supaya tidak melanggar sangkar," katanya yang mengusahakan projek ikan sangkar lebih 15 tahun lalu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar mengingatkan penternak ikan sangkar di sepanjang Sungai Pahang supaya mengambil langkah awal menghadapi musim tengkujuh yang sudah bermula.

"Selain mengikat sangkar mereka dinasihatkan supaya menjual ikan saiz pasaran lebih awal dan tidak memasukkan benih baharu serta menguatkan struktur sangkar sambil membaiki kerosakan dialami," katanya.



RM200

Belanja dikeluarkan untuk membeli tali bersaiz besar dan berkualiti bagi mengikat 24 sangkar ikan di Kampung Tanjung Kubu, Kuala Krau

MOHAMMAD Khairil mengikat sangkar pada pokok kelapa di Kampung Tanjung Kubu, Kuala Krau.

NORMA BAHARU PEMBELAJARAN

Bukan buku, pensel semata-mata

Bersama
Dr Rahimah
Salmih

Biarkan si kecil meneroka alam semula jadi, mencabut rumput, menghidu bau rumput, merasai tekstur daun hijau dan daun kering atau bermain lopak lumpur sekalipun

COVID-19 datang tanpa diundang dan memberi impak yang besar ke seluruh pelosok dunia tanpa mengira usia. Siapa sangka dunia boleh menjadi sepi dalam sekelip mata. Sekolah dan universiti kebanyakannya terpaksa ditutup ketika kes meningkat secara mendadak. Pendidik mula resah dengan kelas secara maya. Ibu bapa mula gelisah dengan isu penjagaan dan pengurusan anak kecil. Pelbagai kaedah alternatif dilaksanakan. Begitulah rencah dunia pendidikan dek pandemik ini manakala e-pembelajaran banyak tersedia sama ada platform berbayar atau percuma seperti Playstore atau Google Classroom.

Menurut Islam, pendidikan si kecil amat penting bagi mencorakkan masa hadapannya. Firman Allah SWT: "Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran, penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur." Al-Nahl: 78

Imam Al-Ghazali dalam karya agunginya, Ihya' Ulum al-Din mengingatkan bahawa anak adalah amanah Allah SWT yang besar ke atas ibu bapa. Pengasas teori Sociocultural, Lev Vygotsky juga menekankan peranan orang dewasa iaitu ibu bapa dan anak lain dalam memudahkan perkembangan si kecil. Perlu diingat bahawa pendidikan awal kanak-kanak bukan sekadar terletak pada buku dan pensel semata-mata. Pendekatan berkonsepkan pembelajaran melalui bermain perlu bermula dari sekarang dan diletakkan. Dalam erti kata lain, budaya pembelajaran kanak-kanak perlu diperluaskan apabila bermain sebagai satu cara kanak-kanak belajar kemahiran asas literasi dan numerasi secara berkesan. Belajar melalui bermain menyokong pembelajaran formal awal kanak-kanak.

Ia juga membolehkan setiap kanak-kanak mengembangkan nilai potensi diri mereka. Apabila bermain, mereka dapat mengasah perkembangan dari segi bahasa, kecerdasan emosi dan peraturan, kreativiti serta penaklukan intelektual.

Secara umumnya, pendidikan awal kanak-kanak boleh didefinisikan sebagai program tidak formal yang menyediakan pembelajaran kanak-kanak berusia tiga hingga enam tahun.

Hakikatnya sekarang, ramai ibu



PERKEMBANGAN deria dan dunia persekitaran dapat ditingkatkan melalui kegiatan berkebun. - Gambar hiasan

**AL-HAQ****Sehari sepotong ayat**

"Ia biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu;"

(Surah ar-Rahmaan ayat 19)

bapa yang bekerja dari rumah semasa pandemik ini. Anak juga berada di rumah kerana sekolah ditutup. Oleh itu, ibu bapa perlu bijak mengambil peluang keemasan ini untuk meluaskan masa bersama-sama si kecil dan sentiasa berfikir positif. Bak kata orang bijak pandai, 'pasti ada hikmah di sebalik musibah.' Siapa pun yang berfikir positif akan sentiasa berasa tenang. Dia akan tetap rasa bahagia, senang, syukur dan reda.

Di samping itu, adalah amat perlu bagi ibu bapa untuk merenung pertingatan Rasulullah SAW bahawa si kecil dilahirkan ke dunia ini dengan keadaan suci bersih mengikut fitrah.

Kedua-dua ibu bapanya yang mencorakkannya sama ada menjadi Yahudi, Kristian atau Majusi.

Jika difikirkan dengan pandangan yang positif, tidakkah ini adalah ruang yang Allah SWT buka seluas-luasnya kepada ibu bapa untuk meluaskan masa bersama si kecil?

Bermula seawal pagi mendidik dengan kebersihan dan pengurusan diri. Kemudian menunaikan solat secara berjemaah, makan bersama dengan mendidik si kecil membaca doa makan dan pelbagai aktiviti yang boleh dirancang untuk dilakukan bersama.

Sudah menjadi lumrah, kanak-kanak mengenal dunia dan persekitaran mereka melalui permainan. Pelbagai aktiviti menarik boleh diteroka bersama si kecil. Bawalah si kecil bermain di luar rumah, ibu bapa dapat membimbing kemahiran asas literasi dan numerasi si kecil. Antaranya, memotong rumput atau memangkas pokok di tepi rumah. Biarkan si kecil meneroka alam semula jadi, mencabut rumput, menghidu bau rumput, merasai tekstur daun hijau dan daun kering atau bermain lopak lumpur sekalipun.

Ajaklah si kecil menyemai benih pokok di beg poli. Berikan peluang kepada mereka merasai


tekstur tanah atau sabut kelapa yang hancur, mengenal biji benih yang berlainan saiz dan bentuk, seterusnya melihat perkembangan pertumbuhan pokok.

Sesi dialog aktif antara si kecil bersama ibu atau ayah perlu berlangsung sepanjang menjalankan aktiviti berkenaan. Ini penting bagi mewujudkan komunikasi atau perbualan berterusan berkaitan aktiviti yang dilakukan agar mereka mempelajari sesuatu.

Melalui aktiviti ini, ibu bapa sudah boleh mengenal pasti sama ada si kecil menguasai konsep asas literasi dan numerasi atau sebaliknya. Perkembangan deria dan dunia persekitaran juga dapat ditingkatkan. Malah permainan sensori yang membolehkan deria dapat merangsang penerokaan dan asas sains penyelidikan. Selain itu, si kecil juga dapat meningkatkan kemahiran motor kasar mereka dalam mengawal keseimbangan badan apabila berjalan, menundukkan badan atau melompat. Dari sini juga mereka mula mengenal dan mempelajari alam semula jadi dan Penciptanya iaitu Allah SWT.

Penulis Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (Usim)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/11/2020	HARIAN METRO	LOKAL	21



Lembu Kasih

KASIH Atikah, 8, membawa anak lembu yang dipelihara bapanya, Basri Ibrahim ke padang rumput ketika tinjauan di Kampung Chembong Kecil, Rembau, semalam. Kasih atau nama panggilaninya Adik bersama kakak Zohaika Basri, 15, dan sepupunya Aidil Adha Bakari, 12 dan Nur Umairah Bakari, 3, tidak kekok ketika mengendalikankan haiwan ternakan keluarganya yang kini berjumlah lebih 50 lembu seperti memberi makanan dan minuman serta memastikan haiwan ternakan itu keluar dari kandang pada waktu pagi dan pulang semula ke kandang menjelang petang.

24/11/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Bermula 10 ekor, peneroka kini mampu tersenyum projek mula menampakkan hasil

Ternak ayam kampung di kebun getah

Oleh **MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB**

hafiz.mutalib@mediamula.com.my

PADANG BESAR: Pandemi Covid-19 yang masih belum ada tanda-tanda untuk pulih terus memberi kesan kepada semua lapisan masyarakat. Namun masih ramai dalam kalangan rakyat pantas bangkit mencari inisiatif menjana pendapatan bagi meneruskan kesinambungan hidup.

Seorang peneroka dari FELDA Chuping, Abdul Khair Hashim, 67, mengambil inisiatif mengusahakan ternakan ayam kampung di kebun getah miliknya bagi mencari pendapatan tambahan berikutan harga getah tidak menentu.

Idea menernak ayam itu tercetus semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini dengan peringkat permulaan hanya sekitar 10 ekor ayam sahaja yang dilepas di kawasan kebun getah tersebut.

Kini, selepas tiga bulan mengusahakan ternakan tersebut, ayam kampung yang dipelihara Abdul Khair sudah mencecah lebih 2,000 ekor dan dia mampu menjana pendapatan sehingga RM3,000 sebulan melalui jualan ayam-ayam berkenaan.



ABDUL KHAIR HASHIM, memberi makan ayam ternakannya di FELDA Chuping. Peris semalam. - UTUSAN/ MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

Abdul Khair memanfaatkan ruang kebun getah seluas 2.4 hektar miliknya itu dengan membina kira-kira lapan reban

ayam di lorong-lorong kawasan pokok getah itu, sekali gus tidak mengganggu tanaman tersebut.

Hasil kegigihan bapa kepada

empat orang anak itu dalam mencari rezeki, dia kini bukan sahaja memperoleh hasil dari-

pada menoreh getah, malah

mampu menambah pendapatan melalui ternakan ayam tersebut.

Katanya, menyedari hasil getah yang tidak menentu mendorong dia untuk memanfaatkan ruang di kawasan kebun tersebut dengan ternakan ayam selain menanam serai wangi, halia serta beberapa jenis tanaman lain.

“Bermula dengan lima hingga 10 ekor ayam, saya kemudian membeli 500 ekor anak ayam dan mula membina reban di kawasan ini.

Dalam dua bulan, ayam yang ditermak itu sudah boleh dijual.

“Saya mampu menjana pendapatan daripada hasil ternakan ayam ini antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan. Malah, serai dan tanaman lain juga membawa pulangan. Dulu, hasil getah hanya sekitar RM600 hingga RM800 sahaja sebulan, dengan ternakan tersebut saya mampu menambah pendapatan,” katanya ditemui *Utusan Malaysia* semalam.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Belia FELDA negeri, Izan Asmawi Habidan menyeru peneroka khususnya golongan belia menceburi bidang ternakan bagi menjana pendapatan tambahan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Penduduk 3 kampung bantah projek ternakan udang

BAGAN DATUK: Penduduk di tiga buah kampung di sini membantah projek ternakan udang seluas 47 hektar yang didakwa merosakkan ekosistem kawasan mereka.

Penduduk Kampung Sungai Burung, Kampung Rungkup Kecil dan Kampung Simpang Empat Rungkup mendakwa, projek berkenaan tidak memberi manfaat kepada mereka.

Wakil penduduk, Azizi Baharuddin, 44, mendakwa, tanah tersebut asalnya milik Felcra yang kemudiannya diambil alih Perbadanan Kemanusiaan Negeri Perak (PKNP) bagi tujuan pembangunan Bagan Datuk Water City (BDWC) yang dilaksana di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCEUR).

Menurutnya, projek BDWC diuar-uarikan pada tahun 2017 menerusi perancangan kerajaan negeri bagi pembangunan Wilayah Perak Selatan namun



SEBAHAGIAN penduduk mengadakan bantahan secara aman terhadap projek ternakan udang kolam di Kampung Rungkup Kecil di sini semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

belum direalisasikan.

"Bagaimana tanah untuk pembangunan daerah di sini boleh disewakan kepada syarikat milikan tunggal untuk membina kolam udang dan pusat latihan.

"Kami mahukan penggunaan terancang di Bagan Datuk, bukan kolam udang tidak bermanfaat kepada penduduk setempat malah merosakkan ekosistem, flora dan fauna," katanya ketika ditemui *Utusan*

Malaysia di sini semalam.

Menurut Azizi lagi, ekoran rasa tidak puas hati, kira-kira 20 penduduk mengadakan bantahan secara aman di sebuah lokasi di Kampung Rungkup Kecil di sini semalam setelah mendapat

kebenaran daripada polis.

"Lebih 100 penduduk sudah menandatangani petisyen meminta kerajaan negeri dan PKNP membatalkan sewaan tanah bagi tujuan projek kolam udang ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	24



PROSES mencabut ubi kayu yang telah cukup masa dituai.



KEREPEK ubi ditimbang dan dibungkus sebelum dihantar kepada Syarikat Ros Kerepek untuk dipasarkan.



KEREPEK ubi yang siap ditimbang sedia untuk diambil oleh pembeli.



MUHD. Noh (depan) bersama pekerjaanya menanam batang ubi di batas yang disediakan. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

Muhd. Noh usahawan ubi kayu

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS
gayau.usen@mediamulla.com.my

IBARAT pepatah Melayu, diam-diam ubi atau diam-diam berisi begitulah gambaran tepat kejayaan seorang anak muda dalam mengusahakan tanaman ubi kayu di Kampung Sungai Kelambu di daerah ini.

Pemuda yang merupakan seorang bapa kepada dua orang putera, Muhd. Noh Norngaini, 30, mula menanam ubi kayu secara aktif sejak enam tahun lalu selepas meletak jawatan di sebuah syarikat berkaitan produk aviasi di Subang.

"Semasa bekerja di dalam syarikat korporat tersebut saya sudah mula berjinak-jinak menanam ubi kayu di tanah milik keluarga.

"Sebelum itu, saya memohon restu bapa menggunakan tanah tersebut untuk menanam ubi kayu di atas tanah seluas 0.8 hektar," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Sungai Kelambu, Kuala Langat, Selangor baru-baru ini.

Muhd. Noh berkata, setelah yakin bidang pertanian



PROSES menggoreng ubi kayu di kilang milik Muhd. Noh.



Luaskan wilayah ubi kayu

JELASNYA lagi, sedikit demi sedikit setelah beberapa tahun berlalu kini beliau memiliki kira-kira 64.7 hektar 'wilayah' penanaman ubi kayu yang membekalkan bahan mentah untuk Ros Kerepek dan lain-lain pengusaha di daerah Kuala Langat.

"Hasil ubi kayu yang saya keluarkan, sememangnya cukup untuk Ros Kerepek pada saat ini dan keperluannya semakin bertambah dari masa ke semasa.

"Keadaan ini menyebabkan saya tidak dapat memenuhi permintaan yang tinggi daripada pengilang yang memerlukan berpuluh tan ubi kayu setiap setiap bulan," katanya.

Muhd. Noh menjelaskan, beliau mempunyai impian untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak untuk memperbanyakkan tanaman ubi kayu.

Bagi mencapai impian tersebut beliau berhasrat untuk menghimpunkan anak-anak muda mahupun yang berusia bagi memberi mereka latihan dan kursus untuk menjadi usahawan tani sebagaimana dirinya.

"Sudah sampai masanya saya berkongsi ilmu dan peluang perniagaan kepada pihak yang berminat pada bila-bila masa. Generasi muda perlu



MUHD. Noh (kiri) dan Muhammad Fauzi sentiasa berbincang bagi memastikan hubungan sebagai pengeluar ubi kayu dan pengusaha kerepek sentiasa pada landasan yang sempurna.

memandang ke depan untuk berjaya dalam masa sama jangan leka dengan keseronokan dunia tanpa batas," katanya.

Sementara itu menurut Muhammad Fauzi, pihaknya komited bekerjasama dengan Muhd. Noh setelah melihat kemampuannya menghasilkan bahan mentah yang diperlukan untuk syarikat beliau.

Ujarnya, Syarikat Ros Kerepek sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan

mana-mana pihak dalam usaha menghasilkan kerepek ubi kayu dan lain-lain produk yang digemari rakyat negara ini.

"Di sini kami memasarkan kerepek-kerepek yang terbaik dengan pelbagai perisa kerepek ubi kayu termasuk yang biasa dan pedas.

"Pasaran semakin menggalakkan dan kita mengalu-alukan kerjasama dengan usahawan tapi seperti Muhd. Noh," katanya.



Semasa bekerja di dalam syarikat korporat tersebut saya sudah mula berjinak-jinak menanam ubi kayu di tanah milik keluarga."

MUHD. NOH NORNGAINI

mampu menjana ekonomi diri dan keluarga, beliau nekad meninggalkan kerjaya makan gaji sepenuhnya.

Katanya, permintaan yang tinggi dalam industri kerepek ubi memberi keyakinan kepada dirinya untuk meluaskan lagi sektor penanaman ubi kayu di kampungnya.

"Ibarat kata pepatah, alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal



SETELAH ubi kayu diracik, sekali lagi ia dibasuh sebelum digoreng.

lengan. Saya tidak menoleh ke belakang lagi untuk menghasilkan lebih banyak ubi kayu. Kini saya mengeluarkan 100 tan ubi kayu sebulan.

"Saya mula bekerjasama dengan syarikat Ros Kerepek di Sungai Lang dan berbincang dengan Pengarah Urusannya, Muhammad Fauzi Roslan

untuk menjadi pembekal ubi kayu," katanya.

Muhd. Noh memberitahu, setelah kedua-dua pihak bersetuju beliau segera

menyewa tanah milik syarikat korporat di sekitar daerah Kuala Langat bagi memastikan kuantiti bahan mentah untuk dibekalkan tidak putus.